

SULIT

1103/2

1103/2

Bahasa

Malaysia

Kertas 2

September 2007



JABATAN PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG
UJIAN PENGESANAN TAHAP PENCAPAIAN
TINGKATAN LIMA 2007

BAHASA MALAYSIA

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Pulau Pinang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/2

[Lihat sebelah]

SULIT

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang/ kata ganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan /tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, Maksimum : 10 markah]

v) menulis dalam bentuk poin form - markah isi seperti biasa, markah bahasa tolak 50%

Soalan 1 - RUMUSAN
[30 markah]

Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan punca-punca/sebab^{sebab} kecenderungan masyarakat memilih makanan (2m)
 segera.
 Petikan membincangkan isu pemilihan makanan segera dalam kalangan masyarakat kita. (2m)

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Markah

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Permintaan masyarakat yang sudah sehati dan terlalu sibuk dengan kehidupan mereka. | 2 |
| | <ul style="list-style-type: none"> - permintaan masyarakat yang sudah sehati (1 markah) - terlalu sibuk dengan kehidupan mereka. (1markah) | |
| 2. | Makanan segera telah menjadi trend kehidupan masyarakat moden.
Gaya hidup yang semakin meningkat. | 2 |
| 3. | Langkah agresif syarikat pengusaha restoran makanan segera (Khususnya melalui strategi pengiklanan.) | 2 |
| 4. | Kepelbagaian menu yang disajikan. | 2 |
| 5. | Keselesaan, kebersihan, suasana lebih eksklusif dan kondusif. | 2 |
| 6. | Harga berpatutan serta perkhidmatan cepat dan mesra.
- harga berpatutan (1 markah)
- perkhidmatan cepat dan mesra (1 markah) | 2 |
| 7. | Penganjuran ^{kan} program menarik. | 2 |
| 8. | Memperkenalkan produk makanan yang sesuai dengan Selera untuk semua peringkat usia. | 2 |
| 9. | fakultat masa. | |

SULIT

1103/2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**Markah**

1. Terdedah kepada pelbagai penyakit berbahaya / *monik / memudatkan kehidupan*
 - bahaya tekanan darah tinggi (1 markah) / *atau (2 m)*
 - serangan sakit jantung (1 markah) / *(2 m)* } *setara .*
2. Meningkatkan kandungan gula / *dar* kolesterol dalam badan. 2
3. Meningkatkan kandungan lemak dalam badan /
obesiti (kegemukan) 2
4. Menjejaskan belanjawan keluarga. / *pembaziran wang / boros .* 2
5. Generasi muda kurang mengetahui masakan *tradisional* dan makanan
tempatan. 2
6. Menjejaskan sumber pendapatan *(pengusaha makanan tempatan.)* 2
7. *Masy. kurang mengambil / mengabaikan makanan berkhasiat. 2 m*

Kesimpulan/ Penutup [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak perlu sedar akan bahayanya pengambilan makanan segera ~~secara berlebihan~~ agar kualiti kehidupan masyarakat di negara ini terjamin.

2

- *cadangan tentang fokus soal (1 m)*
- *alibat / kesan / harapan daripada cadangan yg. diberi (1 m)*

1103/2

**[lihat sebelah
SULIT**

SULIT

1103/2

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
 Soalan 2 (b) : 9 markah
 Soalan 2 (c) : 8 markah
 Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang sempurna / lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks, **berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan**.
4. Kesalahan **bahasa, ejaan dan dalam bentuk poin ditolak ½ markah** daripada setiap cerai soal.
5. Jawapan bagi **Soalan 2 (b), 2 (c) dan 2 (d)** mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

Markah

- (i) Maksud - *meniti dari bibir ke bibir*
 menjadi topik perbincangan / *menyebarkan - X*
 menjadi bualan masyarakat /
 menjadi isu / bahan percakapan/
 sering diperkatakan/
 perkara yang dibincangkan oleh setiap orang/
 orang sentiasa menyebut-nyebut/
 menjadi perbualan hangat/
 menjadi buah mulut
- 2
[Maksimum: 2 markah]
- (ii) Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh Kementerian Kesihatan
- mengharamkan iklan makanan segera 1
 - mengetatkan syarat serta peraturan tentang kandungan makanan segera 1
 - menguatkuasakan peraturan dengan tegas 1
 - membuat pemantauan yang kerap 1
 - gerakan kempen kesedaran secara besar-besaran 1
- [Maksimum : 3 markah]

SULIT

- (iii) Pendapat:
- masyarakat/ ibu bapa / pengusaha makanan menyediakan menu makanan yang seimbang/berkhasiat. 1
 - masyarakat memberikan informasi (berguna) kepada pihak berkuasa/ media massa 1
 - peranan persatuan pengguna/ ibu bapa dalam memberikan pendidikan kepenggunaan kepada orang ramai/ anak. 1
 - mengurangkan/ memulaukan/ memboikot restoran/ makan makanan segera/ produk makanan segera 1
 - masyarakat menyokong/ memberikan kerjasama untuk menjayakan kempen kerajaan 1
 - NGO atau badan-badan bukan kerajaan memberikan kesedaran tentang gaya hidup sihat. 1
 - pihak sekolah/guru menitikberatkan pendidikan kesihatan 1
- [Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

- (i) Pendapat Srisegala
- musnahnya cinta seorang isteri terhadap suami dan cinta suami terhadap isteri oleh kuasa sebuah kerusi dan gong 2
 - pada hari ini tidak wujud/ tidak ada cinta kasih sayang 1
- atau**
- cinta kasih sayang ialah pada sebuah kerusi 1
 - cinta kasih sayangnya pada sebuah gong 1
- [Maksimum : 2 markah]
- (ii) Kesannya ialah
- Ekonomi
- rasuah akan berleluasa dalam negara 1
 - meluaskan jurang antara golongan kaya dengan miskin/ ketidakstabilan ekonomi/ negara tidak akan maju 1
- Pemimpin
- cenderung bertindak zalim/menindas rakyat 1
 - mengutamakan rakan/ kaum keluarga dalam memberikan jawatan-kronisme/nepotisme 1
 - lebih mementingkan diri daripada mengutamakan kebajikan rakyat 1
- Negara
- negara menjadi huru-hara/ tidak aman/ kucar-kacir /politik tidak stabil 1
- Rakyat
- memberontak/ menentang/ menggulingkan pemimpin/ membenci pemimpin 1
 - hidup susah/menderita/merana/menderita 1
 - rakyat berpecah belah 1

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Persoalan daripada petikan [2m]
- Kesetiaan suami kepada isteri / ketidaksetiaan isteri kepada suami
contohnya- Putra amat setia akan Masayu/ Masayu
meninggalkan Putra kerana harta dan kuasa 1
 - Pemimpin yang terlalu mementingkan kuasa :
contohnya – Srisegala yang mementingkan kuasa
dan kedudukannya. 1
 - Perjuangan/semangat keberanian menentang kezaliman
contohnya- Putra menentang /tidak putus asa menentang
Srisegala 1

Persoalan daripada drama [2m]

- Rakyat yang menuntut keadilan :
contohnya- Putra dan pengikutnya ingin menjatuhkan
Srisegala yang kejam 1
- Kasih sayang antara suami isteri:
contohnya- Putra amat sayang akan Masayu
- Ketaatan kepada pemimpin:
contohnya – pengikut Putra dan pengikut Srisegala taat
kepada pemimpin mereka 1
- Kerjasama dalam menentang kezaliman pemimpin
contohnya Wira I, II, III dengan Putra untuk menentang
Srisegala. 1

[Maksimum :4 markah]

*Persoalan dalam **petikan** boleh mewakili keseluruhan drama sekiranya huraian yang dikemukakan luar daripada petikan yang diuji.

Pernyataan	Huraian	Markah
/	/	1
/	X	½
X	/	0

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik(i) maksud : *ada kadar sesaat*

- dalam sekelip mata/ dengan pantas(cepat)/ dalam sedetik/
dalam sekejap/ dalam seketika/ dalam sebentar 2

[Maksimun : 2 markah]

(ii) Tun Mamat melihat:

- sebuah balai 1
- dibina daripada tulang dan atapnya daripada rambut 1
- seorang perempuan tua yang cantik 1
- empat orang perempuan muda 1

[Maksimun : 3 markah]

(iii) Wajar:

- Mereka mesti patuh kepada arahan sultan/ taat setia/ tidak mahu menderhaka/ tidak mahu sultan murka 1
- takut akan dihukum jika tidak menurut perintah sultan/ takut mendapat balasan daripada sultan/ dibuang negeri 1
- ingin negeri Melaka berpermaisuri/ ingin sultan beristeri 1
- ingin melihat sendiri kecantikan Puteri Gunung Ledang 1
- ingin mendapat pengiktirafan/ pangkat/ ganjaran/ wang/ anugerah/ hadiah/ nama masyhur/ tanah 1

Tidak Wajar:

- membahayakan nyawa mereka/ menyusahkan rakyat 1
- Permintaan sultan yang keterlaluan/ sultan mementingkan diri/ nafsu 1
- Tun Mamat mengetahui bahawa Puteri Gunung Ledang bukan dalam kalangan manusia 1
- Tun Mamat boleh mereka-reka cerita bahawa dia telah menjalankan perintah sultan 1

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) : Petikan Puisi

(i) Sikap individu :

- Seorang yang mensyukuri ketentuan Tuhan/ reda qada dan qadar 1
- Seorang yang terlalu bergantung pada nasib/mudah putus asa 1
- Seorang yang terlalu mengharap simpati/belas kasihan orang 1

[Maksimum : 3 markah]

SULIT**1103/2**

- (ii) Pendapat:
- pandai menyesuaikan diri dengan adat dan budaya di tempat baru 1
 - menjalin kemesraan /tidak sombong/beramah mesra 1
 - turut menyertai aktiviti kemasyarakatan 1
 - menguasai bahasa masyarakat setempat 1
 - melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan 1
 - mempunyai kekuatan/ ketahanan fizikal dan mental 1
- [Maksimum : 3 markah]

- (iii) Pengajaran
- kita hendaklah berusaha mengubah nasib sendiri 1
 - kita harus bersyukur /reda atas qada dan qadar(takdir) Tuhan/ tabah menghadapi dugaan hidup 1
 - kita harus bersopan santun dalam kehidupan harian 1
 - kita harus bijak menyesuaikan diri di mana-mana saja kita berada 1
 - kita mesti menghormati/ memuliakan tetamu 1
 - kita harus beradap ketika makan 1
 - kita harus berdikari di tempat orang 1
- [Maksimum:3 markah]

*Pengajaran ditulis dengan ayat yang lengkap untuk mendapat markah penuh (1 markah)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada ;

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat .
7. Jika semua perkataan dipakai dalam satu ayat , berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) , berikan 0 markah.
11. Tidak perlu tolak markah jika ayat itu salah.
12. Jika perkataan yang diuji salah ejaannya, 0 markah.

Perhatian bagi Soalan 3 (b)

Pemeriksaan perlu dibuat mengikut impresi pemeriksa.

Baik	5 – 6
Sederhana	3 – 4
Lemah	1 – 2

*bahasa baik
isi cukup
bahasa memusingkan
isi - kurang drp. 5--
bahasa lemah.*

Perhatian bagi Soalan 3 (c) dan 3 (d)

1. Jika salah ejaan, tolak ½ markah daripada keseluruhan soalan.
2. Jika tidak menyalin ayat 0 markah.
3. Jika mengubah maksud dan struktur ayat 0 markah.
4. Hanya semak atau periksa pada perkataan yang diuji sahaja.
5. Jika perkataan yang diuji salah ejaannya 0 markah.
6. Jika perkataan yang diuji semuanya salah, tiada penolakan markah pada kesalahan bahasa atau tatabahasa.

[lihat sebelah
SULIT

Perhatian bagi Soalan 3 (e)


1. Jika peribahasa tidak lengkap 0 markah.
Contoh: berat mata memandang
Seperti burung dalam sangkar
2. Jika peribahasa terbalik struktur ayatnya 0 markah.
3. Jika menukar perkataan yang tidak mengubah maksud, peribahasa itu diterima.
4. Jika memberi lebih daripada satu peribahasa, terima mana-mana peribahasa yang betul.
5. Jika salah ejaan tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap soalan.
6. Jika peribahasa dimulakan dengan huruf kecil diterima.
7. Mengubah perkataan dalam peribahasa tersebut 0 markah.

3 (a)

- i. membenarkan sesuatu tuduhan/ mengatakan diri / menanggung , menyanggapi/ menganggapi (sebagai) , menerima sebagai / membanggakan diri
- ii. memakai perkataan aku dalam perbualan
- iii. memberikan sokongan (untuk), menyetujui serta menyokong / mengemukakan (menyarankan dsb) sebagai baik
- iv. sifat mementingkan atau berasa megah akan diri sendiri
- v. proses memperakukan sesuatu / sesuatu yang diperakukan, saranan serta sokongan (untuk dipertimbangkan, diterima, dilaksanakan, dsb)
- vi. perihal (perbuatan , pernyataan mengaku atau mengakui) / pengesahan, pengiktirafan

[Maksimum : 6 markah]

3 (b)

- Asraf : Siva , tahukah kamu bagaimana hendak menggunakan mesin ini?
- Siva : Maaf, saya tidak tahu menggunakannya. Mesin ini canggih sangat. Di tempat saya belum ada mesin seperti ini.
- Asraf : Baiklah kalau begitu. Saya dan May Ling akan membuat tunjuk cara kepada kamu. Selepas itu kamu cubalah mendapatkan tiketnya pula. Panduannya amat jelas di sini.
- Siva : Cadangan kamu itu sungguh baik. Saya pun ingin mencubanya.
- May Ling : Janganlah kamu kuaratir, Siva. Caranya sungguh senang.
- Asraf : Betul kata May Ling , Siva.

[Maksimum : 6 markah]

[lihat sebelah

SULIT

SULIT

1103/2

3 (c)

- i. spesis - spesies
 pemupusan - kepupusan
- ii. beli belah - beli-belah
 belanja - berbelanja
- iii. digalak - digalakkan
 institiut - institut

[Maksimum : 6 markah]

3 (d)

- i. mengecop - mengecap
 di antara - antara
- ii. deretan warung-warung - deretan warung / warung-warung
 kesibukan - kesesakan
- iii. juru-juruteknik - juruteknik-juruteknik
 penghawa dingin - pendingin hawa

[Maksimum : 6 markah]

3 (e)

- i. cendawan tumbuh selepas hujan
- ii. ada gula ada semut
 di mana ada gula, di situ ada semut
- iii. masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau
 menguak
- iv. di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah Penuh 15 markah

Perhatian bagi Soalan 4

1. Jawapan berdasarkan **novel-novel** yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna / lengkap.
3. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
4. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan **2 markah** bagi **satu peristiwa** yang betul.
- (iv) Markah maksimum untuk isi **4 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **3 markah**.
- (v) Markah bahasa berdasarkan *impression*.

3 markah – baik

2 markah - sederhana

1 markah - lemah → *point form***Perhatian bagi (b)**

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan yang betul .
- (ii) Berikan **2 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.
- (iv) Markah bahasa berdasarkan *impression*.

2 markah – baik

1 markah - lemah

SULIT

1103/2

NOVEL PERLUMBAAN KEDUA**4 (a) Peristiwa kejutan dalam novel**

1. Peristiwa kehilangan Tuk Kura - seminggu sebelum hari perlumbaan telah menimbulkan kejutan kepada seluruh warga rimba.
2. Peristiwa kemunculan Tuk Kura pada hari perlumbaan - menyebabkan perlumbaan yang hampir-hampir dibatalkan diteruskan.
3. Peristiwa Tuk Kura menerima cadangan bapa Sang Arnab Putih yang ingin memotong rumput di sepanjang laluan perlumbaan.- cadangan tersebut telah diterima oleh Tuk Kura walaupun akan menguntungkan Sang Arnab
4. Peristiwa cara Tuk Kura berlumba – Tuk Kura melantunkan badannya semasa perlumbaan telah memberikan kejutan pada pembaca yang menganggap bahawa Tuk Kura akan menggunakan cara berlari.
5. Peristiwa Tuk Kura dibelasah dan didera oleh suku-sakatnya – memberikan kejutan kepada pembaca.

NOVEL JULIA**4 (a) Peristiwa kejutan dalam novel**

1. Peristiwa keputusan Julia untuk melanjutkan pelajaran ke Hidayah Islamic College -Julia pada peringkat awal seakan-akan tidak mahu memenuhi kehendak ibu bapanya kemudian mengubah pendirian
2. Peristiwa berita kematian kedua-dua ibu bapa Julia - yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. *nama ibu bapa Julia*
3. Peristiwa Jun berpakaian baju Melayu ketika mengunjungi tanah perkuburan ibu bapa Julia – Jun meluahkan isi hatinya untuk melamar Julia
4. Peristiwa Umi Sarah berkunjung ke rumah Julia - sikap Umi Sarah yang ingin membantu Julia dalam perniagaan telah memberi kejutan kepada pembaca yang berprasangka buruk terhadap status ibu tiri.
5. Peristiwa Julia memaafkan En. Baharom - Julia memaafkan Encik Baharom atas penyelewengan yang dilakukan telah memberi kejutan kepada pembaca yang menganggap Julia akan memecat Encik Baharom.

1103/2
SULIT

[lihat sebelah
SULIT
1103/2

NOVEL PERLUMBAAN KEDUA

4 (b) Kepincangan masyarakat

1. Masyarakat yang suka mengadu domba
Contoh – Sang Kancil yang mengapi-apikan Sang Arnab supaya berlumba dengan kura-kura demi menebus kekalahan 199 tahun dahulu.
 2. Masyarakat yang bersifat tamak
Contoh – Sang Tedung sanggup mengintip aktiviti Tuk Kura dan cucu-cucunya demi mendapat habuan telur ayam daripada Sang Arnab.
 3. Masyarakat yang tidak menghormati orang tua
Contoh – Cucu-cicit Tuk Kura yang bersikap kurang ajar terhadap Tuk Kura kerana membantah cara latihan Tuk Kura.
 4. Masyarakat yang tidak jujur
Contoh – Sang Arnab Putih menggunakan taktik kotor untuk memenangi perlumbaan.
- *huraian yang berulang(sama) untuk pernyataan isi yang berbeza tidak diterima*

NOVEL JULIA

4 (b) Kepincangan masyarakat

1. Golongan remaja yang runtuh akhlaknya
Contoh – Rashid, Muna, dan Han merupakan contoh remaja yang mengalami keruntuhan akhlak.
2. Masyarakat yang tidak amanah
Contoh – Encik Baharom melakukan penyelewengan syarikat demi mengaut keuntungan.
3. Masyarakat yang terlibat dengan jenayah
Contoh – Rashid terlibat dalam jenayah pengedaran dadah.
4. Masyarakat yang tamak
Contoh – Syed Mustaffa menuntut hak milik syarikat BMPRO Butik untuk Umi Sarah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT